



Semua Pelajar Senior,
Politeknik Sandakan Sabah.

LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR POLITEKNIK SANDAKAN SABAH SESI JUN 2018.

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saudara/i dikehendaki melapor diri di Politeknik Sandakan Sabah seperti ketetapan berikut:

- | | | | |
|-----|---------|---|--------------------------------------------------|
| 2.1 | Tarikh | : | 02 Julai 2018 (ISNIN) |
| 2.2 | Masa | : | 8.30am – 5.00 petang |
| 2.3 | Tempat | : | Jabatan Akademik (Penasihat Akademik) |
| 2.4 | Pakaian | : | Seperti dalam ARAHAN PAKAIAN DAN RUPADIRI |

Kegagalan melapor diri pada tarikh dan waktu yang ditetapkan akan mengakibatkan status saudara/i sebagai pelajar Politeknik Sandakan Sabah **DIGUGURKAN**.

3. Untuk makluman, pelajar perlu melaksanakan lapor diri secara *online* terlebih dahulu melalui portal www.pss.edu.my sebelum menghadirkan diri pada hari lapor diri rasmi. Sistem lapor diri *online* akan diaktifkan mulai **4 Jun 2018 sehingga 2 Julai 2018** sahaja. Walaubagaimanapun, pelajar yang belum menghantar dokumen pendaftaran dengan lengkap pada sesi pengajian sebelumnya akan ditahan oleh sistem daripada melapor diri. Untuk mengelakkan daripada ditahan, pelajar dikehendaki menghantar semua dokumen pendaftaran tersebut sebelum tarikh lapor diri rasmi.

4. Sila kemukakan perkara-perkara berikut kepada Penasihat Akademik semasa lapor diri:

- 4.1 Kad Pelajar.
- 4.2 Slip asal keputusan peperiksaan yang terkini.
- 4.3 Kebenaran mendaftar pengajian dari Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) untuk pelajar tamat menjalani Latihan Industri.
- 4.4 Pelajar yang tangguh pengajian sila bawa surat asal kelulusan penangguhan pengajian.
- 4.5 Slip-lapor diri online melalui SPMP.
- 4.6 Surat panggilan Lapor Diri Pelajar Senior.
- 4.7 Slip asal bayaran Yuran Pengajian bernilai RM200.00.
- 4.8 Slip asal bayaran Yuran Kolej Kediaman bernilai RM360.00 (bagi yang ditawarkan Kolej Kediaman sahaja).

4.9 Slip asal bayaran Yuran Pendaftaran bernilai RM150.00.

Untuk bayaran Yuran Pendaftaran sila bayar kepada:

Nama : Koperasi Politeknik Sandakan Sabah Berhad

Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

No. Akaun : 10043010021273

(Pelajar DIMESTIKAN menggunakan perkhidmatan kaunter untuk pembayaran yuran pendaftaran ini)

4.10 Semua bukti bayaran yuran perlu dibuat dalam **EMPAT (4)** salinan iaitu untuk:

- i. Koperasi
- ii. Penasihat Akademik
- iii. Fail Pelajar (HEP)
- iv. Kolej Kediaman (*Jika Berkaitan*)

Kerjasama daripada semua pelajar amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(IRWANDI BIN MAT JAILI)

Ketua Jabatan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b.p Pengarah

Politeknik Sandakan Sabah.

Sk:

- i. Ketua Jabatan JPH
- ii. Ketua Jabatan JAB
- iii. Pegawai Peperiksaan
- iv. Ketua Unit UPLI
- v. Ketua Warden
- vi. Pengurus Kolej Kediaman
- vii. Penasihat Akademik
- viii. Koperasi